

27 MAR 1996

Croatia - Kedutaan

KEDUTAAN CROATIA SECARA RASMI DIBUKA

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Kedutaan Croatia di sini yang memulakan perkhidmatannya tujuh bulan lepas, dibuka dengan rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri Dr Mate Granic hari ini sempena dengan lawatannya ke Malaysia.

Kedutaan itu, ditempatkan di sebuah banglo sederhana di No 3, Jalan Mengkuang, Ampang, ialah kedutaan ke-80 Croatia di luar negara.

Lagu kebangsaan Malaysia dan Croatia dimainkan sebelum pembukaan rasmi itu yang dihadiri kira-kira 100 orang.

Dr Granic, yang mengetuai serombongan enam orang tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari.

Turut hadir pada majlis itu ialah Puan Jadranko Granic, Penolong Menteri II bagi Hal Ehwal Politik Duahala Croatia Frane Krnic, Penolong Menteri bagi Hal Ehwal Ekonomi dan Duahala Spomenka Cek, Timbalan Ketua Setiausaha II Menteri Luar Malaysia Datuk Hasni Agam, Duta Croatia ke Malaysia Kresimir Znidaric dan anggota diplomat.

Turut hadir ialah wartawan dari stesen-stesen Radio dan Televisyen Croatia dan para pegawai agensi beritanya, Agensi Berita Kebangsaan Hrvatska (Hina).

Dalam ucapannya, Dr Granic, yang juga Menteri Hal Ehwal Luar republik itu berkata hubungan duahala antara kedua-dua negara mempunyai peluang cerah untuk mempertingkatkan hubungan dalam banyak bidang lagi.

Beliau berkata lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Croatia bulan depan akan mempertingkatkan lagi hubungan yang sedia terjalin. Hubungan diplomatik kedua-dua negara terjalin dua tahun lepas.

Dr Granic berkata Malaysia dan Croatia mempunyai pendekatan seumpama berhubung Persekutuan Bosnia-Croat dan Kuala Lumpur memainkan peranan penting semasa konflik Bosnia dan selepas perjanjian Dayton.

"Kami optimistik terhadap perlaksanaan Perjanjian Dayton dan berharap dapat memperbaiki hubungan dengan jiran kami dan negara-negara Eropah," katanya.

Beliau berkata Croatia, yang merupakan negara termuda Eropah, akan berusaha gigih untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau Balkan.

Rakyat Croatia, yang menuntut kemerdekaan mereka daripada Republik Yugoslavia enam tahun lepas, mempunyai akar umbi yang rapat dengan masyarakat Eropah dan adalah kaum tertua di Eropah. -- BERNAMA

RV CR